

‘Sedia tempat selesa bukan seperti kandang lembu’

Majikan diberi amaran pastikan asrama penginapan pekerja asing ikut peraturan

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Klang: Semua majikan di negara ini diberi amaran supaya memastikan tempat penginapan pekerja warga asing sentiasa dalam keadaan selesa dan bukan seperti kandang lembu atau kerbau.

Menyatakan hal ini, Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar, berkata keadaan penginapan pekerja asing yang tidak mematuhi syarat ditetapkan bukan sahaja membahayakan pekerja terutama apabila berlaku pandemik atau bencana yang tidak diingini, malah memburukkan imej negara.

“Kita perlu layan mereka seperti manusia, sebab kita diperhatikan. Bukan sahaja rakyat (negara ini), malah peringkat antara bangsa.

“Kita akan membawa masuk ramai pekerja asing dalam lima sektor yang kita umumkan sebelum ini. Justeru, kita kenal pastikan bila mereka datang mereka mempunyai tempat tinggal yang sesuai,



Menyatakan hal ini, V Sivakumar



Antara pekerja warga asing yang ditahan Penguatan Kuasa JTKSM ketika operasi khas Akta 446 di sebuah kilang di sekitar Aman Perdana, Klang, semalam.
(Foto Faiz Anuar/BH)

pada pemberita selepas Operasi Khas Penguasaan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) di tiga kilang produk berdasarkan kayu dan getah di Jalan Kapar, di sini semalam.

Yang turut serta, Timbalan Menterinya, Mustapha Sakmud dan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Sumber Manusia, A Maniam.

yang ditetapkan.

Terdahulu, beliau berkata, periksaan di tiga premis kilang itu mendapat keadaan tempat penginapan pekerja asing adalah mendukacitakan.

Katanya, pekerja tidak diberi tempat sesuai untuk tinggal, selain bilik dalam keadaan buruk serta sempit, yang mana ada enam katil dalam sebuah bilik.

Tidak diberi tilam

Beliau berkata, pekerja juga tidak diberi tilam dan pekerja memaklumkan, mereka tidak pernah ada tilam.

“Hasil komunikasi mendapat-

serta 4 akta sama.

“Majikan juga melakukan kesalahan di bawah akta yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) serta tidak mencantum di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO),” katanya.

Sivakumar berkata, ketiga-tiga premis itu beroperasi dengan kapasiti pekerja kira-kira 526 pekerja asing, antaranya dari Nepal, Bangladesh dan Myanmar.

Katanya, majikan terbabit akan dikenakan tindakan sejurus kertas siasatan lengkap. Ditanya mengenai cadangan